

Umno mahu k'jaan Sabah masuk campur, pertahankan perkhidmatan Dr Kamarudin

NST 22.6.2019 8

KOTA KINABALU: Umno Sabah merasa terkejut dan kecewa dengan berita tempoh perkhidmatan Prof Datuk Dr Kamarudin Mudin akan dipendekkan sebagai Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS).

"Umno Sabah mendesak Menteri Pendidikan tidak membuat keputusan memendekkan tempoh perkhidmatan Dr Kamarudin. Beliau adalah seorang anak jati negeri Sabah

yang telah berkhidmat sebagai Naib Canselor dengan cemerlang melalui tadbir urus yang telus dan berwibawa," kata Ketua Umno Sabah Bahagian Tuaran yang Ahli Majlis Tertinggi Umno Malaysia, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan.

Beliau berkata tindakan memendekkan tempoh perkhidmatan Dr Kamarudin tanpa alasan munasabah tidak boleh diterima apatah lagi tempoh perkhidmatan beliau

akan tamat dalam setahun lagi.

"Pemendekan tempoh perkhidmatan ini tentunya boleh mengundang berbagai persepsi negatif yang tidak berasas terhadap beliau yang akan merosakkan nama dan kerjaya beliau. Menteri Pendidikan mesti berlaku adil dalam perkara ini," tegasnya.

Beliau bagi pihak Umno Sabah mengucapkan tahniah kepada Dr Kamarudin ker-

ana buat pertama kali dalam sejarah 25 tahun UMS, beliau bersama tenaga akademik dan kakitangan UMS telah memecah rekod bila UMS telah diiktiraf oleh QS World University Rankings 2020 sebagai salah satu dari 1000 universiti teratas dunia.

Di kalangan universiti terbaik Asia pula, UMS terletak dalam kedudukan 206 dari ribuan universiti di Asia pada tahun ini.

UMS juga dalam kedudukan terbaik untuk mencapai tahap 75 peratus kebolehpasaran graduan (graduate employability).

Kesemua pencapaian ini antara lainnya kerana kecermerlangan kakitangan UMS terutama tenaga akademiknya yang diterajui oleh Dr Kamarudin.

Justeru itu kata Abdul Rahman Umno Sabah mendesak supaya Menteri Pendidikan tidak membuat

satu keputusan yang dilihat merugikan UMS dan negeri Sabah. Lebih-lebih lagi jika keputusan itu dibuat atas tekanan dari pihak-pihak tertentu.

"Umno Sabah juga mahu supaya kerajaan Sabah masuk campur dan menolak usaha untuk memendekkan perkhidmatan Dr Kamarudin dan mempertahankan perkhidmatan beliau yang cermerlang di UMS," kata Abd Rahman Dahlan